

30 JUN 2001

Abdullah-Likas

PAK LAH BINCANG SOAL CALON P/RAYA KECIL LIKAS DENGAN PM

KOTA KINABALU, 30 Jun (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata beliau akan berbincang dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) mengenai calon bagi pilihan raya kecil Likas bulan depan.

Buat masa ini, pucuk pimpinan BN tidak menghalang mana-mana parti komponen yang menyatakan hasrat masing-masing untuk meletakkan calon mereka pada pilihan raya kecil itu, katanya.

"Namun apa yang penting, setelah keputusan mengenai calon telah dibuat, kita semua mesti sokong calon berkenaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Tanah Anak Negeri di sini, hari ini.

Pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Likas diadakan berikutan keputusan Mahkamah Pilihanraya di Kota Kinabalu pada 8 Jun lepas bahawa pilihan raya umum DUN Likas yang diadakan pada 13 Mac 1999, sebagai tidak sah dan batal.

Suruhanjaya Pilihan Raya pula mengumumkan 12 Julai sebagai tarikh penamaan calon bagi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Likas, Sabah dan jika ada pertandingan, pengundian diadakan pada 21 Julai.

Mengenai sama ada bekas Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Likas Datuk Yong Teck Lee dan Parti Maju Sabah (SAPP) pimpinannya akan diberi peluang mempertahankan kerusi itu, Abdullah berkata perkara itu akan dibincangkan oleh beliau bersama Perdana Menteri.

Pada pilihan raya negeri 1999, Yong memenangi kerusi Likas dengan majoriti 4,962-undi dalam pertandingan enam penjur.

Selain itu, katanya, beliau akan mencadangkan kepada Dr Mahathir supaya Ketua Menteri yang juga Pengerusi BN Sabah Datuk Chong Kah Kiat mengetuai kempen BN menjelang pilihan raya kecil itu.

BN mempunyai peluang yang baik untuk menang dalam pilihan raya itu berdasarkan kepada persiapan yang telah dibuat.

Mengenai senarai daftar pemilih yang akan digunakan pada pilihan raya itu yang didakwa masih meragukan kerana kewujudan pengundi hantu, Abdullah berkata Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) bertanggungjawab memastikan kesahihan nama-nama pengundi dalam senarai pengundi berkenaan.

Ketika ditanya sama ada perlu ditingkatkan pemantauan di kawasan tempat mengundi, beliau berkata semua pihak boleh memainkan peranan memantau perjalanan pilihan raya kecil itu.

Semasa diminta mengulas saranan pembangkang supaya satu Suruhanjaya Diraja ditubuhkan bagi menyasat pemilikan kad pengenalan oleh rakyat asing di Sabah, beliau berkata kerajaan memang sedang berusaha menangani perkara itu.

Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Datuk Aseh Che Mat telah diarah supaya mengadakan pertemuan dengan jabatan-jabatan berkenaan bagi membincangkan cara jalan penyelesaian kepada masalah itu, kata Abdullah.

-- BERNAMA

HAK PR